



SIARAN MEDIA HARI KOPERASI NEGARA TAHUN 2026 (HKN'26)

PEROLEHAN KOPERASI LONJAK HAMPIR 20 PERATUS KEPADA RM82 BILION, STEVEN SIM UMUM REFORMASI SEKTOR AR-RAHNU KOPERASI

BUTTERWORTH, 4 Julai – Sektor koperasi negara terus mencatat pertumbuhan memberangsangkan apabila perolehan perniagaannya meningkat hampir 20 peratus, daripada RM68 bilion pada tahun 2024 kepada hampir RM82 bilion pada tahun 2025.

Sempena Majlis Perasmian Hari Koperasi Negara 2026 Peringkat Kebangsaan di PICCA @ Butterworth Arena hari ini, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Encik Steven Sim Chee Keong, berkata pencapaian tersebut membuktikan gerakan koperasi terus berkembang sebagai antara pemacu utama ekonomi negara hasil usaha berterusan kerajaan memperkukuh kapasiti koperasi, mempercepatkan pendigitalan serta menambah baik tadbir urus sektor ini.

Momentum positif ini turut didorong oleh peningkatan skala koperasi di seluruh negara apabila 138 koperasi mikro berjaya berkembang kepada koperasi kecil, 33 koperasi kecil meningkat kepada koperasi besar, manakala 16 koperasi sederhana berjaya melonjak ke kategori koperasi kluster besar.

Bagi memastikan momentum pertumbuhan ini dapat diteruskan, beliau turut mengumumkan dua reformasi utama bagi sektor Ar-Rahnu koperasi (perkhidmatan pajak gadai Islam) yang akan berkuat kuasa mulai September 2026 bagi menjadikan perkhidmatan tersebut lebih telus, lebih berdaya saing dan lebih mesra pengguna.

Di bawah reformasi pertama, fi dan caj sebanyak 2.5 peratus ke atas nilai marhun akan dimansuhkan. Pada masa yang sama, kadar keuntungan Ar-Rahnu akan diselaraskan kepada sehingga satu peratus sebulan bagi anggota koperasi dan sehingga dua peratus sebulan bagi pelanggan bukan anggota. Langkah ini selaras dengan prinsip koperasi yang sentiasa menjaga kepentingan dan kebajikan anggotanya.

Reformasi kedua pula membolehkan koperasi yang menjalankan perkhidmatan Ar-Rahnu melaksanakan lelongan barangan pajakan secara tender sebagai alternatif kepada kaedah lelongan sedia ada, iaitu melalui lelongan awam dan e-lelong. Langkah yang turut berkuat kuasa mulai September 2026 ini dijangka meningkatkan ketelusan, mengurangkan kos pelaksanaan serta mewujudkan proses yang lebih fleksibel dan berdaya saing.

Aktiviti Ar-Rahnu koperasi turut menunjukkan pertumbuhan memberangsangkan apabila merekodkan perolehan sebanyak RM17 bilion pada tahun 2025, bersamaan 21 peratus daripada keseluruhan perolehan sektor koperasi. Jumlah tersebut meningkat sebanyak 993 peratus berbanding RM1.6 bilion yang direkodkan pada tahun sebelumnya.

Setakat 31 Disember 2025, Malaysia mempunyai 16,468 koperasi berdaftar dengan hampir 7.3 juta anggota. Ini bermakna seorang daripada setiap empat rakyat Malaysia merupakan anggota koperasi. Gerakan koperasi negara kini memiliki modal syer dan yuran berjumlah RM18.6 bilion serta aset bernilai RM186.7 bilion.

Bagi terus memperkukuh sektor ini, Kerajaan MADANI memperuntukkan RM254 juta melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) pada tahun 2026, iaitu peruntukan terbesar dalam sejarah gerakan koperasi sejak penubuhannya pada tahun 1922. Peruntukan tersebut akan disalurkan menerusi 28 program, termasuk tujuh program baharu yang memberi tumpuan kepada pendigitalan, penggunaan teknologi, pematuhan elemen kelestarian serta teknologi hijau bagi meningkatkan daya saing koperasi.

Daripada jumlah tersebut, RM226 juta diperuntukkan menerusi Tabung Modal Pusingan SKM (TMP-SKM) bagi memperkasa gerakan koperasi. Sehingga kini, sebanyak 18 koperasi telah diluluskan pembiayaan berjumlah hampir RM53 juta bagi meningkatkan kapasiti serta mengembangkan aktiviti perniagaan masing-masing.

Pada masa yang sama, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) sedang menggubal Akta Koperasi baharu bagi menggantikan Akta Koperasi 1993 untuk memudahkan urusan perniagaan koperasi. Akta baharu ini bertujuan memberikan lebih fleksibiliti kepada koperasi yang memenuhi syarat untuk melaksanakan pelaburan tanpa perlu mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada SKM, di samping mengekalkan mekanisme kawal selia bagi melindungi kepentingan anggota.

Steven Sim berkata KUSKOP akan terus memperkukuh gerakan koperasi sebagai antara instrumen utama pembangunan ekonomi rakyat dengan sasaran meningkatkan perolehan sektor koperasi melepasi RM100 bilion menjelang tahun 2030, selaras dengan aspirasi Hebatkan Perniagaan Malaysia.

UNIT HAL EHWAL ANTARABANGSA DAN KOMUNIKASI KORPORAT
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
4 Julai 2026